

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
JABATAN PERTANIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**



No. Sebutharga : PPN.KDH (N) 13/2026

TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAJA KIMIA DAN BAJA ORGANIK UNTUK PROJEK PEMERKASAAN AGROMAKANAN NEGARA (PPAN), JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH

Syarat-syarat Khas Sebutharga:-

1. Pelawaan adalah dibuka kepada pembekal yang bertaraf **Bumiputera atau Bukan Bumiputera** dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia**, berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, mempunyai kod bidang di bawah kepala dan subkepala **070101**.
2. Pembekal / Kontraktor / Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** menghantar dokumen sebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga ini. Penyebutharga yang menghantar dokumen sebut harga selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
3. Kuantiti bekalan yang dinyatakan dalam sebut harga ini adalah anggaran sahaja. Pihak jabatan ini berhak menambah atau mengurangkan jumlah tersebut mengikut keperluan sebenar kelak.
4. Harga bagi setiap unit bekalan yang ditawarkan hendaklah meliputi semua kos penghantaran dan harga tersebut hendaklah sah sehingga **90 hari** selepas tarikh tutup sebut harga ini.
5. Pembekal yang berjaya dalam sebut harga dikehendaki menyempurnakan bekalan mengikut pesanan Jabatan dalam tempoh **Tiga puluh (30) hari** dari tarikh pesanan rasmi oleh Jabatan ini. Pembekal yang gagal berbuat demikian dengan alasan yang tidak memuaskan Jabatan ini, akan dikenakan tindakan **"MENGGANTUNG PENYERTAAN"** di dalam sebut harga Jabatan ini di masa hadapan serta diadukan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

6. Dokumen sebut harga hanya dijual kepada Pembekal / Kontraktor / Syarikat yang sah sahaja. Sehubungan itu, Pembekal / Kontraktor / Syarikat juga adalah dinasihatkan untuk membuat pendaftaran kontraktor bagi perkhidmatan / bekalan/ kerja **secara atas talian** melalui sistem **Aplikasi iDAFTAR** melalui pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) untuk tujuan pembelian dokumen sebut harga.
7. Dokumen sebut harga hanya boleh **diperolehi / dibeli dengan bayaran RM10.00 melalui sistem Aplikasi iDAFTAR melalui pautan (<https://idaftar.kedah.gov.my>) mulai 29 Jun 2026 (Isnin) hingga 06 Julai 2026 (Isnin).**
8. Pembekal / Kontraktor / Syarikat yang berminat, hendaklah membuat **PERAKUAN** menyertai sebut harga melalui **sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>)** dan **menjelaskan bayaran secara atas talian** mengikut No. Sebut Harga / Tawaran iaitu **PPN.KDH (N) 13/2026** bagi jumlah **RM10.00** sebelum dokumen soft copy sebut harga dikemukakan kepada syarikat.
9. Pembekal / Kontraktor / Syarikat dikehendaki menyemak No. Siri Kawalan Dokumen yang diberi melalui sistem iDAFTAR dan melengkapkan No. Siri Kawalan Dokumen pada halaman muka depan dokumen sebut harga pada ruang kotak yang disediakan. Kegagalan ini boleh mengakibatkan dokumen ditolak.
10. Sebut harga ini akan ditutup pada **06 Julai 2026 (Isnin)**. Dokumen sebut harga yang telah dicetak dan dilengkapkan oleh Penyebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat serta bertulis bilangan No. Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian, Telok Chengai, Kuala Kedah, Kedah Darul Aman, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari** pada hari tersebut.
11. Jabatan ini tidak semestinya menerima tawaran yang paling murah dan keputusan **Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad.**
12. **Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia Perolehan melalui emel ke perolehankejuruteraan@gmail.com atau ditalian 04-7775000.**

s.k

Pengarah Pertanian Negeri.

Di Iklankan pada 29 Jun 2026



NOR AZERA BINTI ABU BAKAR
Timbalan Pengarah Pertanian Negeri (Operasi)
Jabatan Pertanian Negeri Kedah